

**BAB**  
**KEEMPAT**

## PENUTUP

---

### 4.1 PENGENALAN

Islam yang diturunkan oleh Allah S.W.T. sebagai rahmat kepada seluruh manusia merupakan suatu Syariah yang mengandungi hukum-hukum bersifat global, kekal dan abadi. Keistimewaan tersebut dikurniakan kepada seluruh manusia tanpa mengira kumpulan etnik, tempat dan zaman mereka berada.

Oleh kerana hakikat perubahan zaman, tempat dan sebagainya adalah sesuatu realiti yang tidak boleh dinafikan, maka untuk menghadapinya, hukum-hukum yang terkandung di dalam Syariah Islam khususnya *ahkām al-Sunnah* mempunyai dua bentuk iaitu :

- a. Tidak boleh berubah, bahkan kekal sebagai panduan dan peraturan untuk mengatur kehidupan manusia ke arah kesejahteraan dan kebaikan mereka untuk selama-lamanya. Selain itu, ia juga sebagai simbol kesatuan dan identiti umat Islam.
- b. Boleh berubah menurut perubahan budaya, tradisi serta keadaan semasa dan setempat. Perubahan ini diperlukan demi untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh Syariah dalam sesuatu persoalan.

Kesemua matlamat ini adalah kekal sifatnya tetapi kaedah yang hendak digunakan untuk mencapainya perlulah berubah dari satu masa ke satu masa dan dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

#### 4.2 RUMUSAN

Rumusan yang dapat dibuat tentang kajian yang telah dibuat adalah seperti berikut :

- i. Kajian ini tidak menyentuh sama sekali tentang persoalan aqidah iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan soal keyakinan mutlak di dalam diri seseorang. Ini kerana persoalan aqidah adalah perkara asas di dalam Syariah Islam yang dibawa oleh junjungan besar Nabi ﷺ daripada Allah S.W.T.. Antara yang berkaitan dengannya ialah tentang perkara-perkara seperti sifat-sifat keagungan dan kebesaran Allah S.W.T. dan juga perkara-perkara yang ghaib (*al-Sam'iyat*).
- ii. Sebarang hukum yang telah dipastikan sah datangnya daripada Nabi ﷺ sekalipun berhubung urusan kehidupan dunia, pada prinsipnya hendaklah dikira sebagai ketetapan yang kekal untuk selama-lamanya. Ini kerana peranan utama Nabi ﷺ di dunia ini ialah menyampaikan Syariah Allah S.W.T. kepada seluruh manusia dalam segala aspek dan lapangan hidup mereka sehingga hari kiamat. Ia selaras dengan firman Allah S.W.T.:

Terjemahannya :

*Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul...*

Al-Qur'ān, Āli 'Imrān (3) : 144.

Walau bagaimanapun, terdapat hukum-hukum yang disampaikan oleh Nabi ﷺ dikecualikan daripada prinsip asal tersebut. Ia tidak perlu dilaksanakan secara literal sebaliknya hendaklah dilihat sebagai suatu pendekatan yang digunakan oleh Nabi ﷺ untuk mencapai matlamat Syariah dalam sesuatu aspek kehidupan dengan berdasarkan keadaan dan realiti pada zaman Baginda ﷺ.

- iii. Tumpuan kajian ini hanya diberikan kepada *aḥkām al-Sunnah* iaitu berhubung dengan urusan kehidupan (*al-'ādāt*) yang berada di luar daripada skop *al-muqaddarāt* . Dengan kajian ini, dapat mengenal pasti sama ada hukum tersebut bersifat kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh Nabi ﷺ untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Syariah dalam sesuatu persoalan atau merupakan hukum yang bersifat kekal untuk selama-lamanya.
- iv. Terdapat beberapa keadaan *aḥkām al-Sunnah* dalam urusan kehidupan yang berada di luar daripada skop *al-muqaddarāt*. Sebahagian daripadanya tidak berlaku *khilāf* sama sekali tentang kedudukannya sebagai yang di luar daripada skop *al-muqaddarāt*. Selain itu juga, ada yang tidak mempunyai ijmak tentang kedudukannya sebagai *al-muqaddarāt*. Sekalipun ada sebahagian sarjana

hukum yang berpendapat ia tergolong dalam skop *al-muqaddarāt*, namun ada juga sebahagian lainnya yang berpendapat sebaliknya.

- v. Bentuk *al-Qiyās* yang perlu digunakan untuk menangani *ahkām al-Sunnah* dalam urusan keduniaan (*al-'ādāt*) yang berlaku di luar daripada skop *al-muqaddarāt* ialah bentuk *al-Qiyās al-Ma'nawī*. Ia bermaksud sandaran *al-Qiyās* tersebut merupakan matlamat dan tujuan yang ditetapkan oleh Syariah dalam sesuatu persoalan (*al-Maṣlahah al-Syar'iyah*) dan bukannya deskripsi (*al-waṣf*) yang diambil atau difahami daripada sesuatu *naṣṣ* yang berkaitan.

Matlamat atau tujuan yang ditetapkan oleh Syariah dalam sesuatu persoalan itu sentiasa konsisten dan selari dengan *naṣṣ-naṣṣ* yang berkaitan dengan persoalan yang sama. Ini kerana matlamat dan tujuan itu sebenarnya dapat diketahui secara putus (*qat'ī*) melalui kaedah induktif (*al-istiqrā'*) yang dilakukan ke atas seluruh atau sebahagian besar *naṣṣ-naṣṣ* yang berkaitan itu. Maka tidak mungkin sama sekali berlakunya perselisihan dan percanggahan di antara sesuatu *naṣṣ* dan matlamat yang ditetapkan oleh Syariah dalam persoalan yang sama.

Justeru, sekiranya terdapat sesuatu *naṣṣ* dalam persoalan tertentu yang sangat jelas tidak konsisten dengan matlamat dan tujuan yang ditetapkan oleh Syariah dalam persoalan tersebut, ini bererti *naṣṣ* tersebut sebenarnya merupakan kaedah dan pendekatan yang telah dipertimbangkan dan didapati oleh Nabi ﷺ

sebagai yang paling berkesan bagi mencapai matlamat tersebut berdasarkan realiti yang telah dialami oleh Baginda ﷺ pada masa itu.

Maka yang menentukan ketetapan yang disampaikan oleh Nabi ﷺ itu sama ada yang perlu diterima pakai secara *literal* untuk selama-lamanya atau tidak ialah berdasarkan kedudukannya sama ada ia selari dengan matlamat dan tujuan yang ditetapkan oleh Syariah dalam persoalan berkenaan ataupun tidak.

Sebagai contoh, sabda Nabi ﷺ yang bermaksud, timbangan yang perlu digunakan dalam urusan jual beli dan sebagainya hendaklah timbangan yang digunakan oleh penduduk Mekah manakala sukatananya pula ialah sukatan yang digunakan oleh penduduk Madinah.<sup>1</sup>

Hadis seperti ini hendaklah ditangani dengan menggunakan *al-Qiyās al-Ma'nawī* yang mana perkara yang menjadi sandaran kepada ketetapan ini (*al-ma'nā al-manūṭ bihī al-hukm*) ialah matlamat dan objektifnya. Di dalam kes ini, matlamatnya ialah untuk menyeragamkan piawaian ukuran timbangan dan sukatan supaya dengan adanya ukuran yang standard dan mengikut piawaian yang tetap, maka akan memudahkan lagi urusan jual beli dan sekali gus melancarkan urusan pertukaran manfaat di kalangan masyarakat yang merupakan objektif utama kepada seluruh *naṣṣ* yang berkaitan dengan urusan kewangan.

---

<sup>1</sup> Abū Dāwūd Sulaymān b. al-Asy'ath al-Sajastānī al-Uzdī (t.t.), *Sunan Abū Dāwūd*, Beirut : Dār al-Fikr, j. 3, h. 246, Bāb fī Qawī al-Nabī ﷺ al-Mikyāl Mikyāl al-Madīnah, no. hadis : 3340.

Lantaran itu sudah tentu hadis ini tidak boleh ditangani dengan menggunakan *al-Qiyās al-Juz'ī* iaitu *Qiyās* yang sandarannya ialah *al-waṣf* yang diambil dari *naṣṣ* di atas secara berasingan tanpa melihat kepada *naṣṣ-naṣṣ* yang lain dalam persoalan yang sama.

Ini kerana sekiranya kita menggunakan kaedah *al-Qiyās al-Juz'ī* dalam menangani *naṣṣ* di atas, terutamanya dalam konteks hari ini bererti kita melihat kepada syariat Allah S.W.T. sebagai syariat yang tidak selari dengan tuntutan semasa serta membawa kesulitan dan dilema kepada makhluk-Nya. Sedangkan sebagaimana yang diketahui bahawa matlamat Syariah di sebalik semua *naṣṣ* dalam aspek ini ialah bertujuan supaya proses pertukaran manfaat (sama ada dalam bentuk benda atau perkhidmatan) di kalangan manusia berlaku dengan mudah dan lancar.

Oleh itu, ketetapan di atas hanya merupakan pendekatan semasa yang digunakan oleh Nabi ﷺ untuk mencapai matlamat Syariah yang disebut di atas dengan mengambil kira realiti pada masa itu.

Sehubungan dengan itu, tidak ada di kalangan para sarjana hukum Islam sama ada yang terdahulu atau sekarang yang berpendapat bahawa ketetapan di atas merupakan sebahagian daripada *al-muqaddarāt* di mana seluruh umat Islam di seluruh dunia dikehendaki menggunakan hanya timbangan penduduk Mekah dan sukatan penduduk Madinah sahaja dalam urusan seharian mereka sampai bila-bila.

Oleh itu ketetapan seperti ini boleh dianggap sebagai yang tidak ada *khilaf* tentangnya yang berlaku di luar daripada skop *al-muqaddarāt*.

Antara contoh *naṣṣ* yang perlu ditangani dengan menggunakan kaedah *al-Qiyās al-Ma'na'wī* ialah larangan yang dikeluarkan oleh Nabi ﷺ supaya tidak memberi salam kepada orang bukan Islam :

لا تبدؤوهم بالسلام وإذا لقيتموهم في الطريق فاضطروهم إلى أضيق الطريق

Terjemahan :

*Jangan kamu memberi salam (menyapa) kepada mereka dan sekiranya kamu bertembung dengan mereka di jalan hendaklah kamu paksa mereka menggunakan jalan yang paling sempit.*<sup>2</sup>

Sekalipun *naṣṣ* ini jelas bahawa tidak harus bagi orang Islam memberi salam kepada orang bukan Islam (menyapa mereka), namun demikian ada juga para sarjana hukum Islam yang berpendapat bahawa tidak ada kesalahan berbuat demikian.

Menurut Ibn al-Qayyim, mereka yang berpendapat demikian melihat kepada larangan tersebut sebagai satu larangan yang berkaitan dengan keadaan semasa. Peristiwa tersebut berlaku ketika mana Nabi ﷺ dan para sahabat menuju ke perkampungan Banī Qurayzah.

---

<sup>2</sup> Al-Imām Muslim al-Qusyayrī (t.t.), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Salām, Bāb al-Nahy 'An Ibtidā' Ahli al-Kitāb bi al-Salām.



Ini bererti, *naṣṣ* di atas menurut mereka yang berpendapat bahawa ia berkaitan dengan keadaan semasa pada waktu itu dan bukannya larangan kekal untuk selama-lamanya adalah disebabkan oleh hakikat bahawa larangan ini tidak selari dengan matlamat dan ajaran Syariah dalam konteks ini. Ia sebagai mana yang difahami melalui *naṣṣ-naṣṣ* lain yang menuntut supaya umat Islam menghormati, berbuat baik dan berlaku adil kepada orang bukan Islam yang hidup bersama mereka (*tabarrūhum wa tuqṣitū ilayhim*). Hal ini boleh berlaku selagi mana mereka tidak mengambil sikap permusuhan terhadap umat Islam lebih-lebih lagi apabila sambungan perintah di atas yang jelas sekali tidak selari dengan prinsip umum Islam dalam konteks perintah daripada Nabi ﷺ supaya memaksa orang bukan Islam menggunakan jalan sempit apabila orang Islam bertembung dengan mereka.

Perkara yang sama juga boleh diperkatakan tentang ketetapan yang dibuat oleh Nabi ﷺ berhubung syarat kelayakan menyandang jawatan sebagai ketua negara. Sebagaimana syarat *al-Quraysyiyah*, ketetapan ini hendaklah dilihat berdasarkan kepada matlamat yang ingin dicapai sebaliknya iaitu untuk memastikan keberkesanan kepimpinan orang yang dilantik sebagai ketua negara dengan disyaratkan mempunyai pengaruh pada tahap yang diperlukan untuk tujuan ini (*al-kifāyah*) bagi membolehkannya menjadi pemimpin dengan berkesan.

Oleh kerana pengaruh di tahap seperti itu tidak ada pada mana-mana suku kaum pada zaman Nabi ﷺ melainkan suku kaum Quraisy sahaja, maka Nabi ﷺ

mensyaratkan orang yang dilantik sebagai ketua negara adalah dari keturunan suku kaum Quraysy.

- vi. Dalam konteks individu, matlamat yang ditetapkan oleh Syariah (*al-Maṣlaḥah al-Syar'iyah*); bagi *aḥkām al-Sunnah* dalam kategori *al-'ādāt* (yang di luar daripada skop *al-muqaddarāt*) ialah mencapai tahap *al-kifāyah* dan *al-kafā'ah* dalam keempat-empat aspek iaitu agama (aqidah), tubuh badan, daya fikir dan juga emosi di samping harta yang merupakan alat untuk membangunkan aspek-aspek yang lain.

Manakala dalam konteks masyarakat dan negara, tahap *al-kifāyah* dan *al-kafā'ah* merupakan tahap yang mana sesebuah negara itu mempunyai kemampuan secukupnya untuk menyediakan suasana yang kondusif yang membolehkan setiap warganya melaksanakan tugas mereka sebagai khalifah Allah S.W.T. dengan berkesan dan sempurna.

Tahap *al-kifāyah* dan *al-kafā'ah* dalam mana-mana aspek atau pada mana-mana peringkat (individu atau masyarakat), hanya boleh dicapai dengan mengatasi keadaan kesulitan (*daf' al-ḥaraj wa al-dīq*) iaitu dengan cara mengatasi kekurangan dan kelemahan (*daf' al-hājah*).

- vii. Para sarjana hukum Islam telah bersepakat (*ittifāq*) bahawa telah berlaku ijtihad daripada Nabi ﷺ dalam beberapa hal yang berhubung dengan urusan kehidupan dunia. Namun mereka berselisih pendapat tentang berlakunya ijtihad daripada Nabi ﷺ dalam urusan agama dan Ibadat.

Oleh yang demikian, hanya hukum-hukum yang berhubung dengan urusan kehidupan dunia sahaja yang boleh dimasukkan di dalam skop kajian dan penelitian. Tujuannya untuk memastikan sama ada ia hukum yang kekal untuk selama-lamanya atau hanya sebagai pendekatan yang diijtihadkan oleh Baginda ﷺ sebagai pendekatan yang paling berkesan untuk mencapai matlamat Syariah dalam sesuatu persoalan yang ditangani itu.

- viii. Kajian ini juga tidak menyentuh perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh Junjungan Besar ﷺ dengan secara semula jadi (*al-af'āl al-jibiliyyah*) seperti berdiri, duduk, makan, minum dan sebagainya. Ini kerana perbuatan-perbuatan yang bersifat sedemikian telah disepakati oleh semua sarjana Islam bahawa ia harus bagi umatnya untuk melakukannya atau sebaliknya.

Ini bererti ia tidak menjadi kewajipan ke atas umatnya untuk melakukannya dengan cara dan keadaan seperti mana yang dilakukan oleh Baginda ﷺ. Keadaan ini berbeza dalam hal-hal yang jelas tentang kedudukannya sebagai amalan-amalan yang merupakan sebahagian dalam Syariah seperti menggunakan tangan kanan semasa makan dan sebagainya. Ini kerana didapati adanya penekanan yang serius yang diberikan oleh Nabi ﷺ kepadanya yang menunjukkan bahawa ia merupakan sebahagian daripada Syariah dan simbol identiti umat Islam.

Semua ketetapan dan hukum yang datangnya daripada Nabi ﷺ hendaklah diterima sebagai ikutan (*uswah*) oleh umat Islam sampai bila-bila. Walau bagaimanapun, di sana terdapat dua cara untuk menerima hukum-hukum itu sebagai ikutan. Pertama ; cara *al-taqlīd* iaitu menerima pakai dan beramal dengannya secara *literal*. Kedua ; cara *al-ittibā'* iaitu mengamalkan kaedah dan pendekatan yang telah dipakai oleh Nabi ﷺ dalam melihat dan mengkaji persoalan-persoalan yang timbul dalam sesuatu aspek kehidupan yang tidak ada penyelesaiannya menurut wahyu. Caranya ialah dengan mencari pendekatan yang terbaik untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Syariah dalam persoalan tersebut. Dengan erti kata lain semua *ahkām al-Sunnah* hendaklah diterima pakai sebagai *Tasyrī'iyah* dalam semua keadaan.